

SULIT

1223/1

1223/1  
Pendidikan  
Islam  
Kertas 1  
September  
2011  
2 jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
NEGERI PERAK TAHUN 2011

---

---

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

Dua jam

---

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 11.*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikut. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 11 daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan tersebut bersama-sama dengan kertas jawapan Bahagian B.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

## Bahagian A

[ 40 markah]

*Jawab semua soalan***Soalan 1 hingga Soalan 20**

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A,B,C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.*

1 


Hubungan jenis perempuan dengan perempuan
---

Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian

- A zina
  - B qazaf
  - C liwat
  - D musahaqah
- 2 Hukuman bagi orang murtad ialah
- A dibunuh
  - B dipenjara
  - C disebat 80 kali
  - D disebat 100 kali
- 3 Antara yang berikut yang manakah benar mengenai ajaran Taslim ?
- A Mendakwa malaikat sebagai pancaindera Allah
  - B Solat secara niat tanpa rukun qauli dan fi'li
  - C Beriktikad Nabi Isa mati disalib
  - D Menghapuskan jihad
- 4 Kitab suci yang menjadi pegangan penganut ajaran Qadiani ialah
- A Al-Faraid
  - B Al-Bayan
  - C Al-Tazkirah
  - D Al-Mukaddimah
- 5 Syiah Imamah turut dikenali dengan nama Syiah
- A Isna 'Asyariah
  - B Batiniyah
  - C Zaidiyah
  - D As-Salafussoleh

6 Bilakah jemaah haji dikehendaki bermalam di Mina?

- A Mulai gelincir matahari 9 Zulhijjah.
- B Mulai terbenam matahari 10 Zulhijjah.
- C Selepas tengah malam pada 10 Zulhijjah.
- D Pada hari tasyrik iaitu pada 11,12 dan 13 Zulhijjah



7 P dalam rajah di atas ialah

- A manfaat
- B barang
- C harga
- D akad

8 Antara yang berikut manakah perkara-perkara membatalkan gadaian?

- I Pemegang gadai sakit tenat
- II Penggadai meninggal dunia
- III Barang yang digadai telah rosak
- IV Penggadai membayar separuh dari hutangnya

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

9 Berikut ialah syarat sah binatang yang disembelih kecuali

- A halal dimakan
- B menyembelih kerana Allah
- C mati dengan sekali sembelihan
- D putus urat halkum dan urat marik

10 Berikut ialah hikmah kuasa talak diberikan kepada suami **kecuali**

- A suami lebih berpandangan jauh
- B suami pemimpin dalam rumahtangga
- C suami kurang emosional berbanding isteri
- D suami mempunyai kelebihan kekuatan fizikal

11 Melaksanakan upacara menepung tawar ketika upacara persandingan dalam majlis walimatulurus.

Hukum bagi pernyataan di atas ialah

- A harus
- B sunat
- C haram
- D makruh

12 Berikut adalah syarat-syarat sah ijab dalam akad pernikahan **kecuali**

- A hendaklah dilafazkan oleh wali atau wakilnya
- B tidak diselangi oleh diam yang lama
- C melafazkan dengan bahasa sindiran
- D lafaz yang diucapkan jelas dan difahami

13 Antara yang berikut yang manakah implikasi lian?

- I Suami isteri terpisah selepas sumpah lian
- II Suami isteri tidak boleh rujuk dalam tempoh idah
- III Suami isteri boleh berkahwin semula dengan akad nikah yang baru
- IV Suami tidak boleh berkahwin semula dengan bekas isteri selama-lamanya

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

14 Pilih susunan kelayakan hak hadhanah yang betul jika ibu hilang kelayakan.

- A Nenek sebelah ibu → Bapa → Nenek sebelah bapa → Datuk
- B Nenek sebelah ibu → Nenek sebelah bapa → Bapa → Datuk
- C Bapa → Nenek sebelah ibu → Nenek sebelah bapa → Datuk
- D Bapa → Nenek sebelah bapa → Nenek sebelah ibu → Datuk

15 Antara yang berikut yang manakah faktor luaran penyebaran Islam pada zaman Abbasiyah?

- A Galakan khalifah
- B Kedudukan Baghdad yang strategik
- C Penggunaan bahasa Arab secara meluas
- D Keinginan penduduk setempat yang tertarik dengan Islam


SULIT

16 Peranan Baitul Mal pada zaman kerajaan Abbasiyah adalah

- I menguruskan sumber pendapatan negara
- II mengawal belanjawan negara
- III melantik pegawai kewangan
- IV memungut cukai

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

17 Struktur Organisasi Ketenteraan Kerajaan Abbasiyah



R dalam rajah di atas ialah

- A Al-Dawawin
- B Al-Tadwin
- C Al-Kuttab
- D Al-Wazir

18 Peta dunia yang pertama dalam bentuk glob dicipta oleh

- A Al-Khawarizmi
- B Al-Idrisi
- C Ibnu Sina
- D Ibnu Haitham

**SULIT**


19

- Mewujudkan mata pelajaran matematik, geometri, algebra dan geografi.
- Mewujudkan piawaian dalam penganugerahan sijil.
- Mewujudkan farmasi khusus untuk pelajar Universiti Azhar.

Pernyataan di atas merujuk kepada kesan islah dalam bidang pendidikan yang di bawa oleh

- A Hamka
- B Syeikh Tahir Jalaluddin
- C Syeikh Muhammad Abduh
- D Sayyid Jamaluddin Al-Afghani

20



X yang dimaksudkan ialah


- A Muhammad bin al-Qasim
- B Musa bin Nusair
- C Tariq bin Ziyad
- D Qutaibah bin Muslim

**Soalan 21 hingga 40**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai

- 21 \_\_\_\_\_ ialah orang tidak taat kepada Allah dan rasul-Nya dengan melakukan dosa besar atau berterusan melakukan dosa kecil.
- 22 Ilmu yang berkaitan perbuatan secara halus melalui pertolongan makhluk ghaib seperti jin atau syaitan ialah pengertian bagi \_\_\_\_\_.
- 23 \_\_\_\_\_ ialah peperangan antara orang Islam dengan orang kafir bagi mempertahankan kesucian agama Islam.
- 24 Golongan penyokong Saidina Ali yang berjuang menentang Muawiyah radhiallahuanhu tetapi tidak menerima majlis tahkim ialah \_\_\_\_\_.
- 25 Hukum melihat bakal isteri atau suami adalah \_\_\_\_\_.

26



P dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.

- 27 Mengucapkan takziah kepada keluarga simati boleh dilakukan dalam tempoh \_\_\_\_\_ hari.
- 28 Melakukan pembedahan anggota badan adalah haram kecuali untuk tujuan \_\_\_\_\_.
- 29 Seorang pendakwah yang berwibawa perlu memiliki \_\_\_\_\_ mulia.
- 30 Beliau menubuhkan Baitul Hikmah yang menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan di Baghdad.  
Tokoh di atas ialah \_\_\_\_\_.
- 31 Beliau menolak fahaman ahli falsafah yang meresap ke dalam ilmu kalam.  
Pernyataan di atas merupakan pemikiran tokoh yang bernama \_\_\_\_\_.

32 Umat Islam di zaman kerajaan Abbasiyah berjaya menguasai ilmu sains dan teknologi daripada orang \_\_\_\_\_, Parsi dan Yunani.

33

Sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan.

Pernyataan tersebut merujuk kepada \_\_\_\_\_.

34 Lelaki yang beristeri lebih daripada seorang tetapi tidak melebihi empat pada satu masa adalah maksud bagi \_\_\_\_\_.

35 Antara alat penyembelihan yang dilarang ketika menyembelih ialah kuku, tulang dan \_\_\_\_\_.

36 Amalan yang wajib dilakukan pada 10 Zulhijjah selain tawaf, saie dan bercukur ialah \_\_\_\_\_.

#### Soalan 37 hingga Soalan 40

*Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual dibawah.*

Jenis-jenis Talak			
Talak Sunni	Talak Bid'i	Talak Raj'i	Talak Bain

37 Talak yang sesuai dengan peraturan syarak ialah \_\_\_\_\_.

38 Talak yang menyalahi peraturan syarak ialah \_\_\_\_\_.

39 Talak yang membolehkan suami merujuk kembali isterinya semasa idah tanpa akad dan mahar yang baru ialah \_\_\_\_\_.

40 Talak yang tidak membolehkan suami merujuk isterinya kecuali dengan akad dan mahar yang baru ialah \_\_\_\_\_.



## Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikut.

- 1 (a) Zina adalah salah satu dosa besar yang menghancurkan umat Islam.
- (i) Apakah maksud zina ? [2 markah]
  - (ii) Nyatakan **dua** contoh perbuatan yang membawa kepada zina. [2 markah]
  - (iii) Terangkan **dua** usaha anda untuk mengelak daripada terlibat dengan zina. [4 markah]
- (b) Antara perbuatan yang boleh membatalkan iman ialah nifak.
- (i) Nyatakan **dua** ciri orang munafik. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** kesan buruk perbuatan nifak terhadap masyarakat. [4 markah]
- (c) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan ajaran sesat? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** ciri ajaran sesat. [4 markah]
- 2 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan bercukur dalam ibadat haji dan umrah? [2 markah]
- (ii) Bilakah waktu bercukur dalam ibadat haji dan umrah? [2 markah]
  - (iii) Jelaskan **dua** hikmah disyariatkan bercukur dalam ibadat haji dan umrah. [4 markah]
- (b) Islam telah menetapkan bahawa suami dan isteri mempunyai tanggungjawab masing-masing.
- (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab suami di dalam rumahtangga. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** implikasi pengabaian tanggungjawab terhadap keluarga ? [4 markah]
  - (iii) Encik Imran akan melangsungkan perkahwinan dengan gadis pilihannya.  
Terangkan persiapan yang perlu beliau lakukan untuk menjamin kebahagiaan rumahtangganya. [2 markah]

**SULIT****10****1223/1**

- (c) Khuluk ialah perceraian antara suami isteri dengan bayaran tertentu.
- (i) Nyatakan contoh lafaz khuluk. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan hikmah disyariatkan khuluk. [2 markah]
- 3 (a) (i) Namakan **dua** jawatan baru yang diwujudkan oleh khalifah Umar al-Khattab bagi memastikan pentadbiran negara bertambah mantap. [2 markah]
- (ii) Pemerintahan Khulafa al-Rasyidin telah menubuhkan dua jabatan baru iaitu Diwan al-Jund dan Diwan al-Kharaj. Jelaskan **dua** peranan Diwan al-Jund. [4 markah]
- (b) Al-Sayyid Jamaluddin al-Afghani terkenal sebagai seorang pejuang Islam yang gigih.
- (i) Namakan **dua** tempat yang beliau kunjungi untuk menyebarkan idea islahnya. [2 markah]
  - (ii) Terangkan **dua** kesan islah yang dibawa oleh al-Sayyid Jamaluddin al-Afghani terhadap pemikiran umat Islam. [4 markah]
- (c) (i) Jelaskan **dua** perkara yang dilarang ketika menziarahi jenazah. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah menziarahi jenazah kepada umat Islam. [4 markah]
- 4 (a) (i) Jelaskan usaha yang dilakukan oleh khalifah Abbasiyah untuk memajukan sektor perdagangan. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan pembangunan ekonomi terhadap umat Islam. [4 markah]
- (b) Imam Ahmad bin Hanbal ialah seorang tokoh ulamak yang terkenal.
- (i) Nyatakan **dua** sifat peribadi beliau yang boleh anda contohi. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau terhadap umat Islam. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** adab berniaga. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** akibat mengabaikan adab berniaga. [4 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A**

NAMA: \_\_\_\_\_ TINGKATAN: \_\_\_\_\_

Arahan : **Hitamkan** jawapan pada ruangan jawapan yang disediakan.

- |             |           |
|-------------|-----------|
| 1. A B C D  | 21. _____ |
| 2. A B C D  | 22. _____ |
| 3. A B C D  | 23. _____ |
| 4. A B C D  | 24. _____ |
| 5. A B C D  | 25. _____ |
| 6. A B C D  | 26. _____ |
| 7. A B C D  | 27. _____ |
| 8. A B C D  | 28. _____ |
| 9. A B C D  | 29. _____ |
| 10. A B C D | 30. _____ |
| 11. A B C D | 31. _____ |
| 12. A B C D | 32. _____ |
| 13. A B C D | 33. _____ |
| 14. A B C D | 34. _____ |
| 15. A B C D | 35. _____ |
| 16. A B C D | 36. _____ |
| 17. A B C D | 37. _____ |
| 18. A B C D | 38. _____ |
| 19. A B C D | 39. _____ |
| 20. A B C D | 40. _____ |

<i>Untuk kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
<b>A</b>	<b>1 hingga 40</b>	40	
<b>B</b>	<b>1</b>	20	
	<b>2</b>	20	
	<b>3</b>	20	
	<b>4</b>	20	
<b>JUMLAH BESAR</b>			